

Hubungan Tentera Dan Masyarakat: Pandangan Rakyat Terhadap Peranan Angkatan Tentera Malaysia (*Military and Community Relations: People's view on the role of the Armed Forces*)

B. Jalal

Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Ketamadunan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi 57000 Kuala Lumpur, Malaysia.

burhanuddin@upnm.edu.my

Abstrak – Hubungan tentera dan masyarakat telah berlaku sejak wujudnya konsep negara bangsa yang menjelaskan negara dan rakyat mendapat perlindungan keselamatan dari institusi ketenteraan. Sejarah hubungan ini ditemui dalam catatan Sun Tzu dan Clausewitz. Kedua-dua pemikir ini berpendapat organisasi tentera ialah ‘servants of the state’. Organisasi tentera juga di lihat sebagai satu kemestian bagi menjamin keselamatan rakyat, kedaulatan negara dan ‘survival of the states’. Berdasarkan asas tersebut, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan pandangan rakyat terhadap Angkatan Tentera Malaysia dan keselamatan negara. Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif untuk mengukur tahap penerimaan atau puas hati rakyat sebagai pemegang taruh terhadap perkara-perkara seperti yang terkandung dalam piagam pelanggan Angkatan Tentera Malaysia, meneliti pandangan rakyat terhadap Angkatan Tentera Malaysia dalam memenuhi matlamat arah seperti yang terkandung dalam piagam pelanggan dan objektif Angkatan Tentera Malaysia serta meneliti pandangan rakyat terhadap ancaman kepada negara serta kemampuan Angkatan Tentera Malaysia untuk mengatasinya. Kajian meliputi kutipan data kuantitatif ke atas warganegara dewasa berumur 21 tahun ke atas dan seramai 1,010 orang responden yang dipilih menerusi kaedah pensampelan secara rambang berdasarkan taburan lokasi, jantina, kaum dan kumpulan umur. Penemuan kajian menunjukkan bahawa rakyat Malaysia menyedari dan mengetahui peranan Angkatan Tentera Malaysia serta mengakui bahawa Angkatan Tentera Malaysia merupakan tonggak pertahanan negara bagi menjaga kedaulatan, keselamatan dan keamanan negara. **Copyright © 2016 Penerbit Akademia Baru - All rights reserved.**

Kata kunci: tentera, masyarakat, hubungan, keselamatan

Abstract – Following the existence of the concept of nation-state, a relationship between the armed forces and society is established which indicates that the country and society shall receive security protection from the military institution. The history of this relationship could be found in the prominent writings of Sun Tzu and Clausewitz. Both scholars are of the view that the military organization is regarded as the servants of the state as they are obliged to ensure the safety of the citizens, state’s sovereignty as well as the survival of the states. Based on this fundamental aspect, a research was conducted in order to gather views from citizens towards the Malaysian Armed Forces and national security. This research was conducted based on its objectives; to measure the level of acceptance and

satisfaction amongst citizens as stakeholders towards the matters stated in the Malaysian Armed Forces charter, to gather their views on the Malaysian Armed Forces' capability to fulfil the goals and objectives as stated in the charter and finally, to examine the citizens' views on national threats as well as the ability of the Malaysian Armed Forces to overcome them. This study covers a collection of quantitative data on adult citizens aged 21 years and above where 1,010 respondents were chosen through random sampling method based on location, gender, race and age. As a result, the findings of this research indicate that the Malaysian citizens have the knowledge and awareness on the function of the Malaysian Armed Forces as a 'key role' in preserving sovereignty, security and peace of the state.

Copyright © 2016 Penerbit Akademia Baru - All rights reserved.

Keywords: armed forces, society, relationship, security

1.0 PENDAHULUAN

Sejarah moden ATM bermula dengan pengambilan 25 orang pemuda Melayu sebagai skuad percubaan Rejimen Askar Melayu pada 1 Mac 1933. Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion penuh yang dikenali sebagai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu pada 1 Januari 1938. Batalion kedua ditubuhkan pada 1 Disember 1941 iaitu enam hari sebelum Perang Dunia Kedua bermula di Malaya. Kedua-dua batalion ini telah menunjukkan kebolehan mereka dalam peperangan menentang tentera Jepun. Selepas perang, negara dilanda pula oleh ancaman komunis dan keadaan darurat telah diisytiharkan pada tahun 1948. Keadaan ini memerlukan pembesaran angkatan tentera. Menjelang tahun 1950 kekuatan Rejimen Askar Melayu telah ditambah menjadi tujuh batalion. Pada zaman darurat juga, angkatan tentera telah menubuhkan pasukan berbilang bangsa iaitu Rejimen Persekutuan dan Skuadron Kereta Perisai Persekutuan pada tahun 1952. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Tentera Darat telah berkembang maju dan lengkap untuk melawan insurgensi. Pada masa kini pasukan Tentera Darat sedang pesat dimodenkan sebagai satu pasukan tentera konvensional yang mampu menghadapi cabaran masa depan [1].

Manakala Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pula bermula dari pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Negeri-negeri Selat pada 27 April 1934 di Singapura. Pasukan ini diperbesarkan pada tahun 1938 dengan penubuhan cawangan Pulau Pinang dan ditukarkan nama kepada Pasukan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaya. Menjelang Perang Dunia Kedua, seksyen Melayu dalam Royal Navy telah ditubuhkan dan kekuatan pasukan ini mencapai jumlah 1,430 anggota pada tahun 1941. Selepas kejatuhan Singapura pada tahun 1942, seramai 150 orang Tentera Laut Malaya telah berundur ke Ceylon, India dan Afrika Timur. Anggota-anggota ini kembali ke Malaya apabila perang tamat. Malangnya disebabkan kekurangan kewangan selepas perang, Tentera Laut Malaya telah dibubarkan pada bulan April 1947. Apabila darurat tercetus pada tahun 1948, Tentera Laut Malaya telah ditubuhkan semula dan diwartakan pada 4 Mac 1949. Tentera Laut Malaya telah dianugerahkan gelaran Diraja oleh Baginda Queen Elizabeth II pada tahun 1952. Tentera Laut Diraja Malaya yang selama ini menjadi sebahagian dari Royal Navy telah dipindahkan dari Singapura ke Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Julai 1958. Serentak dengan itu, panji-panji Royal Navy telah ditukar dengan panji-panji Persekutuan Tentera Laut Diraja Malaya. Selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963 ia dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Malaysia [2].

Bagi Tentera Udara Diraja Malaysia pula bermula dengan penubuhan Pasukan Sukarela Tentera Udara Negeri-Negeri Selat (SSVAF) oleh British pada tahun 1936. Pasukan ini ditukar nama kepada Pasukan Simpanan Tentera Udara Malaya pada tahun 1940 tetapi telah

dibubarkan selepas Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1950 pasukan ini telah dihidupkan semula sebagai Royal Air Force Malaya (RAF Malaya). Tentera Udara Malaya menjadi kenyataan pada tahun 1958 apabila pesawat Twin Pioneer pertama mendarat di pangkalan RAF Kuala Lumpur. Tentera Udara Diraja Malaya ditubuhkan dengan ditubuhkan dengan rasminya pada 2 Jun 1958 [3].

Selain dari itu, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kerajaan telah menunjukkan kesungguhan dalam meningkatkan kekuatan pertahanan negara dari tahun ke tahun, namun demikian pembangunan dan pemodenan ATM pada hakikatnya adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan dan perkembangan kestabilan serantau. Sekiranya kita membuat perbandingan dengan negara jiran Singapura, seperti di Jadual 3.2 menunjukkan perbelanjaan negara jiran lebih satu kali ganda berbanding dengan perbelanjaan Malaysia dalam aspek perbelanjaan pertahanan. Di sini menunjukkan Malaysia tidak memperuntukkan perbelanjaan pertahanan yang besar dan bersifat luar biasa. Pembangunan dan pemodenan ketenteraan Malaysia lebih dilihat sebagai proses normal dan keperluan kepada sesebuah negara dalam memenuhi keperluan keselamatan khususnya bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

Jadual 1: Perbandingan perbelanjaan pertahanan antara Malaysia dan Singapura

Negara/Tahun	2004	2005	2006
Malaysia	AS\$2.25 Bilion	AS\$2.47 Bilion	AS\$3.08 Bilion
Singapura	AS\$5.10 Bilion	AS\$5.57 Bilion	AS\$6.16 Bilion

Sumber: Majalah Visi IKIM Ogos 2008. [4].

Namun demikian, perlu juga dijelaskan bahawa pemodenan Angkatan Tentera Malaysia sedang di jana ke arah pembangunan dimensi keempat iaitu dimensi elektro magnetik yang memerlukan penguasaan sepenuhnya elemen-elemen peperangan iaitu bawah dan permukaan bumi, ruang udara dan siber. Proses pengukuhan pertahanan dan keselamatan negara sememangnya telah bermula sejak tahun 1957 lagi sama ada dari aspek pembangunan fizikal atau bukan fizikal. Secara umumnya menjelang dekad 1990-an, ia telah menjadi titik tolak kepada Malaysia untuk memesatkan dan memperkukuhkan kekuatan sistem pertahanan dan negara dengan prinsip ‘Pertahanan ke hadapan’ atau ‘forward defence’. Ia juga telah merintis penumpuan kerajaan terhadap peningkatan kekuatan dan pemodenan angkatan pertahanan dan sistem keselamatan negara.

Usaha kerajaan ini dapat dilihat bermula pada tahun 1992 apabila Malaysia mula memperkukuhkan dan memperkemaskan sistem pertahanan laut melalui penyediaan dua buah kapal perang termoden di Asia Tenggara pada waktu itu iaitu KD Jebat dan KD Kasturi yang dilengkapi dengan teknologi tinggi. Perolehan persenjataan bersifat defence offensive juga menjadi matlamat, apabila TLDM kini memiliki 120 buah kapal perang iaitu empat buah kapal dalam kelas frigate dan enam buah kapal dalam kelas korvet di samping 17 buah kapal peronda yang dilengkapi dengan kelengkapan peluru berpandu seperti Sea Wolf, Aspide, Exocet dan Otomat. Sistem cegah rintang Malaysia juga makin kukuh apabila Malaysia bakal memiliki dua buah kapal selam menjelang 2012 dan kini sebuah Kapal Selam telah pun di miliki Malaysia iaitu KD Tuanku Abdul Rahman. Dalam aspek pertahanan darat, Tentera Darat turut bergerak seiring dengan kemajuan teknologi dan perubahan dimensi ancaman keselamatan semasa. TDM kini telah dilengkapi dengan pelbagai persenjataan moden seperti kereta kebal tempur PT-91M, kereta kebal ringan Scorpion dan APC Adnan, Stormer, Panhard dan Commando. Selain itu, kor artileri telah dilengkapi dengan meriam 105mm dan 155mm sebanyak 414 buah serta diperkukuh dengan pembelian sistem roket berganda ASTROS II dan

turut dilengkapi dengan peluru berpandu. Proses ini telah meningkatkan keupayaan TDM bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan Malaysia dipertahankan [5].

Selain itu, pertahanan angkatan udara Malaysia juga turut diberi perhatian oleh kerajaan yang mana ia telah memberikan penekanan terhadap pemilikan pesawat-pesawat yang berteknologi tinggi seperti pesawat MIG 29, F/A-18 Hornet dan terbaru kerajaan Malaysia akan membeli 18 unit pesawat pejuang pelbagai guna Rusia-Sukhoi SU-30MKM berharga kira-kira AS\$900 juta (RM 3.4 Bilion). Pembelian pesawat tempur berteknologi tinggi ini juga adalah bagi memperkukuhkan kekuatan pertahanan udara yang telah sedia ada seperti pesawat Hawk dan pesawat pejuang F5E. Pesawat-pesawat tempur ini turut dilengkapi dengan sistem pengkomputeran dan peluru berpandu seperti mana di negara-negara Barat. Bagi memastikan angkatan udara dapat bergerak seiring dengan kemajuan semasa teknologi pertahan udara dunia, kerajaan Malaysia telah mengaplikasikan sistem pertahanan udara negara dengan pemilikan pesawat UAV jenis Eagle 150. Dalam pada itu juga untuk memastikan ATM tidak ketinggalan dalam arus perubahan teknologi pertahanan semasa dunia, kerajaan telah mula memberi tumpuan dalam pembangunan dan pemodenan ATM yang menerapkan pengaplikasian peperangan elektronik atau electronic warfare. Sistem elektronik dan pengkomputeran mula diterapkan ke dalam ketiga-tiga perkhidmatan ATM seiring dengan pemodenan angkatan tentera negara-negara jiran dan Barat [6]. Faktor kemanusiaan yang menjadi tulang belakang kepada sistem pertahanan negara semakin dipertingkatkan setiap tahun. Ia bukan sahaja hanya memastikan peningkatan dari segi kuantiti yang kini telah memiliki lebih daripada 100,000 tentera tetap, 51,600 simpanan dan 244,700 separa tentera tetapi juga peningkatan dari segi pendidikan, moral, patriotisme dan yang paling penting adalah penghayatan dari aspek agama iaitu penghayatan Islam. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini dalam Jadual 1, pihak kerajaan telah memperuntukkan belanjawan untuk pertahanan negara bagi memenuhi salah satu keperluan rakyat iaitu jaminan keselamatan.

Sehubungan dengan itu ATM pada masa kini sedang giat memperkasa strategi dan pelan tindakan pembangun ke arah keupayaan bagi menuju ke arah revolusi dimensi keempat atau yang dikenali sebagai Fourth Dimension of Malaysian Armed Forces (4D MAF). 4D MAF ini adalah pelan induk pembangunan keupayaan ATM yang digubal bagi menjadikan ATM sebagai sebuah angkatan tentera yang seimbang dan mempunyai kredibiliti. Berdasarkan persiapan dari aspek fizikal tersebut, penyediaan anggota tentera yang cekap, wibawa dan mempunyai daya juang yang tinggi dan rohani yang mantap adalah amat diperlukan.

Sehubungan dengan itu kaji selidik ini dijalankan adalah untuk bagi mendapatkan pandangan rakyat terhadap Angkatan tentera Malaysia dan keselamatan negara. Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif berikut:

- a. Mengukur tahap penerimaan dan puas hati rakyat sebagai pemegang taruh (stakeholder) terhadap perkara-perkara seperti yang terkandung dalam piagam pelanggan ATM.
- b. Meneliti pandangan rakyat terhadap ATM di dalam memenuhi matlamat arah seperti mana yang terkandung di dalam piagam pelanggan dan objektif ATM.
- c. Meneliti pandangan rakyat terhadap ancaman kepada negara serta kemampuan ATM untuk mengatasinya

2.0 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian meliputi kutipan data kuantitatif dalam kalangan warganegara Malaysia dewasa berumur 21 tahun ke atas di seluruh Semenanjung Malaysia dan seramai 1,010 orang responden

telah dipilih secara kaedah pensampelan random berdasarkan taburan lokasi, jantina, kaum dan kumpulan umur. Selain dari itu temu bual juga dibuat bagi mendapatkan maklumat tambahan. Kajian telah dilakukan dalam tempoh setahun iaitu 28 Jun 2010 hingga 26 Julai 2011. Kajian dibiayai sepenuhnya oleh Angkatan Tentera Malaysia.

3.0 SOROTAN KAJIAN

Hubungan tentera-masyarakat telah berlaku sejak wujudnya konsep bernegara yang mana negara dan rakyat mendapat perlindungan keselamatan dari tentera. Sejarah hubungan ini boleh ditemui di dalam catatan oleh Sun Tzu (*The Art of War*) dan Clausewitz (*On War*). Kedua-dua pemikir ini berpendapat organisasi tentera adalah 'servants of the state'. Organisasi tentera di lihat sebagai satu kemestian bagi menjamin keselamatan rakyat, kedaulatan negara dan 'survival of the states'. Maka itu ketumbukan tentera dilengkapi dengan peralatan perang yang berdaya musnah dan anggota-anggotanya di latih untuk berperang. Negara yang kuat lagi disegani diwakili oleh ketumbukan tentera yang kuat sama ada angkatan daratan, laut dan udara. Organisasi tentera di lihat sangat tersusun, lengkap dan berupaya menjalankan tugas dengan cekap. Selain dari Sun Tzu dan Clausewitz, pendapat Samuel Huntington dalam bukunya 'The Soldier and the State', yang lebih terkini sangat terkenal dan sering diperdebatkan. Huntington melihat keperluan kawalan pemerintah awam dalam hubungan tentera-masyarakat Amerika Syarikat semasa Perang Dingin. [7].

Hujah Huntington di dapati ada kebenaran dan keperluannya di sesetengah negara. Hubungan tentera-masyarakat dilihat bukan dalam konteks 'servants of the state' tetapi menentang kerajaan sedia ada. Perhubungan negatif ini berlaku kerana beberapa sebab. Antaranya pembangunan organisasi ketenteraan di dapati tidak selari dengan pembangunan kerajaan yang mentadbirkan negara. Dalam kes-kes tertentu, kerajaan memerintah di lihat tidak mampu memerintah negara dan mengurus keperluan rakyat dengan baik. Dalam masa yang sama, kerajaan juga di lihat tidak mentadbirkan organisasi tentera dengan baik. Sebaliknya pula dari perspektif rakyat, organisasi tentera di lihat mampu mentadbirkan negara. Ketidakeimbangan ini telah menyebabkan berlakunya rampasan kuasa. Tentera yang memiliki kuasa atas senjata yang dimiliki (cohesive power) dan anggota yang terlatih bertindak menggulingkan kerajaan sedia ada. Maka itu, Huntington menghujah akan keperluan pemerintah mengawal kuasa tentera atau profesionalisme.

Bagi membincangkan topik ini, isu-isu perdebatan yang diutarakan oleh Huntington akan dibincangkan satu persatu. Di akhir perbincangan setiap isu, perbincangan berkaitan aplikasi kepada dua negara akan yang berbeza struktur politik, sosial dan negara bangsa akan dibuat. Antara isu-isu yang sering diperdebatkan ialah peranan tentera semasa aman, apakah ukuran pemisah antara tentera dan kerajaan memerintah, Adakah tentera perlu dikecualikan dari politik, dan kuasa autonomi tentera spektrum baru yang memberi impak besar kepada hubungan tentera-masyarakat pada masa kini.

Teras utama kepada idea hubungan tentera-masyarakat ialah 'tahap profesional' organisasi ketenteraan dan awam. Kedua-dua organisasi memiliki kepakaran, tanggungjawab dan budaya masing-masing atau tersendiri. Dalam masa pihak awam ingin tentera hanya fokus kepada tanggung jawab mereka sahaja. Huntington (1957) mengaitkan sikap profesional dengan 'kawalan awam yang terjurus'. Huntington menggariskan empat elemen profesional tentera iaitu:

- A high level of military professionalism and recognition by military officers of the limits of their professional competence;

- The effective subordination of the military to the civilian political leaders who make the basic decisions on foreign and military policy;
- The recognition and acceptance by that leadership of an area of professional competence and autonomy for the military; and
- As a result, the minimization of military intervention in politics and of political intervention in the military [8].

Bagi Huntington, persekitaran Perang Dingin atau adanya ancaman ke atas kedaulatan negara, memerlukan sesebuah negara memiliki satu angkatan tentera yang besar dan kuat dalam masa aman. Semasa perang dingin, keperluan memiliki organisasi ketenteraan yang besar dan kuat kepada sesebuah negara tidak dipertikaikan kerana impak perang dingin. Perang dingin telah menyebabkan wujudnya istilah politik seperti cegah rintang, perlumbaan senjata, perimbangan kuasa, uni-polar, dwi-polar dan lain-lain lagi [9]. Oleh sebab itu setiap negara berlumba-lumba untuk memiliki organisasi tentera yang kuat bagi mempertahankan diri dari ancaman semasa perang dingin. Maka, selepas perang dingin berakhir, adakah organisasi tentera yang besar masih diperlukan? Lebih-lebih lagi kepada sebuah negara kecil dan sedang membangun yang mana pembangunan negara adalah lebih penting. Kini, Perang dingin telah menjadi satu sejarah tetapi para strategis berpendapat organisasi tentera masih diperlukan kerana wujudnya ancaman kepada keselamatan negara. Ini kerana pemahaman kepada ancaman keselamatan yang disebabkan oleh serangan negara ke atas negara masih ada pada ketika itu. Susulan dari berakhirnya Perang dingin pada akhir tahun 1991, terdapat negara-negara yang mula mengurangkan perbelanjaan ketenteraan tetapi sebaliknya pula terdapat juga negara-negara yang meningkat perbelanjaan ketenteraan.

Pada abad ini, pemahaman kepada ancaman keselamatan telah berubah iaitu bukan lagi disebabkan oleh serangan dari negara lain tetapi ancaman dalam bentuk yang baru. Ancaman alaf baru bukan lagi dalam bentuk ketenteraan tetapi disebabkan oleh keganasan bentuk baru seperti serangan pengganas, serangan siber dan fenomena alam [10]. Isunya, adakah organisasi tentera masih relevan? Menurut Collins (2009), logiknya masih relevan tetapi memiliki satu ketumbukan tentera yang besar dan kuat mungkin tidak lagi relevan. Ini kerana kerajaan terpaksa memperuntukkan perbelanjaan yang besar bagi satu tujuan yang kabur. Sebaliknya pula berlaku, semakin tidak ada ancaman, organisasi tentera semakin dibangunkan [11]. Bagi Malaysia, peruntukan bagi membangun angkatan tentera tidak terlalu besar tetapi memadai. Proses pemodenan dan pengecilan tentera Malaysia bukanlah disebabkan oleh dasar baru tetapi disebabkan oleh penukaran spektrum ancaman dari bentuk tradisional kepada bentuk baru. Tetapi proses pengecilan digantikan dengan peralatan yang lebih moden. Dalam Rancangan Malaysia ke-8, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah 13% bagi sektor keselamatan di mana 10.2% (17b) untuk pertahanan dan 2.8% (4.7b) untuk Kementerian Dalam Negeri. Jumlah peruntukan ini menurun dalam Rancangan Malaysia ke-9 di mana kerajaan memperuntukkan hanyalah 10.6% dari 200 bilion iaitu terdiri daripada 7.6% (15b) untuk pertahanan dan 3% (6 Bilion) untuk Kementerian Dalam Negeri [12].

Hakikatnya, di Malaysia, isu hubungan tentera-masyarakat tidak menjadi masalah kepada rakyat. Angkatan Tentera Malaysia terus melakukan pelbagai penyesuaian agar dapat berfungsi secara berkesan, agar organisasinya kekal relevan dalam ruang alam ianya beroperasi. Penyesuaian secara bijak dirintis demi memastikan ia tidak berakhir sebagai dinosaur yang pupus ditelan zaman". Usaha gigih tentera membantu masyarakat di bawah Strategi Lautan Biru adalah satu

Dalam konteks negara kita Malaysia, Institusi Angkatan Tentera Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1933 dan kini telah menjangkau usia 89 tahun. Angkatan tentera Malaysia adalah sebahagian dari organisasi perkhidmatan awam di Malaysia yang berperanan sebagai benteng pertahanan negara. Misi utama ATM ialah untuk mewujudkan dan merealisasikan angkatan tentera yang sentiasa siaga untuk melindungi kedaulatan dan integriti negara. Ini dapat dicapai melalui teras seperti berikut:

3.1 Aspek kesiagaan (Preparedness) yang merangkumi perkara:

- Memenuhi kesemua keperluan keselamatan negara (Meet all national security needs).
- Berkemampuan untuk melancar satu ketumbukan melewati garisan sempadan darat dan maritim negara. (Be able to project a force beyond the perimeters of Malaysia's land and maritime borders).
- Mempertingkatkan Kesiagaan dan Ketahanan (Enhance Readiness and Sustainability).
- Menentukan satu angkatan bersenjata yang seimbang (Ensure a Balanced Force).
- Menentukan keberkesanan C4ISR (Command, control, communication, computerization, intelligence, surveillance and reconnaissance) melalui Network Centric (Ensure effective C4ISR through Network Centric).

3.2 Keupayaan Berperang (War Fighting Capability)

- Menggabungkan keupayaan peperangan darat, laut dan udara dengan berfokus kepada operasi bersama. (Integrate fighting capabilities of land, air and sea forces focusing on interoperability).
- Menggabungkan semua sistem pengurusan sumber darat, laut, udara dan awam. (Integrate all land, sea, air and civil resource management systems).
- Menggunakan pakai teknologi ketenteraan yang canggih (Adopt cutting edge military technologies (RMA)).
- Sentiasa membangun dan mempertingkatkan tahap operasi, sistem logistik dan sumber manusia melalui falsafah Pengurusan Kualiti Menyeluruh (Continuously develop and improve standards of operations, logistics system and human resources through Total Quality philosophy).
- Menggunakan kewangan dan sumber dengan optimum (Optimise financial and resources utilisation)

3.3 Anggota Tentera Berkualiti (Quality Personnel)

- Membangunkan kemahiran pengurusan dan kepimpinan yang kompeten serta efektif (Develop competent and effective leadership with management skills).
- Membangunkan anggota tentera yang versatil, berpengetahuan dan kompeten (Develop versatile, knowledgeable and competent military personnel).
- Meningkatkan kualiti dan kesejahteraan komuniti ATM (Enhance quality and well-being of MAF community).
- Membangunkan keteguhan jasmani, rohani dan keberanian moral (Develop strong physical, spiritual and moral courage).
- Memelihara dan menerima nilai dan etika kerja ATM (Foster and adopt MAF values and work ethics).

3.4 Piagam Pelanggan

- Melindungi kedaulatan dan integriti negara.
- Bertindak proaktif dalam menjamin keselamatan serta keamanan dan kesejahteraan rakyat jelata.
- Menyokong dan membantu usaha- usaha kerajaan di dalam pentadbiran dan kesejahteraan rakyat jelata.
- Mengeratkan hubungan antara tentera dan rakyat jelata serta menyemarakkan kewibawaan dan kemampuan ATM demi kepentingan kesejahteraan negara.
- Melibatkan diri dalam usaha meningkatkan keamanan dan keselamatan di kalangan negara- negara serantau melalui pelaksanaan aktiviti- aktiviti bilateral dan multilateral serta confidence building measures.
- Mendukung usaha keamanan dan operasi bantuan kemanusiaan di arena antarabangsa.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan objektif utama kajian ialah untuk mengukur tahap penerimaan dan puas hati rakyat sebagai pemegang taruh (stake holder) terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam piagam pelanggan. Sehubungan dengan itu dalam aspek terdapat tiga perkara yang dapat dilihat dari pandangan responden bagi memenuhi objektif tersebut iaitu dari aspek tahap pengetahuan tentang peranan ATM, Penilaian terhadap piagam pelanggan dan pandangan responden mengenai ancaman terhadap keselamatan negara.

4.1 Tahap pengetahuan mengenai peranan ATM

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir keseluruhan rakyat Malaysia mengetahui tentang Angkatan Tentera Malaysia secara umum tetapi kurang daripada separuh mempunyai pengetahuan asas tentang institusi keselamatan ulung negara ini. Kajian mendapati jumlah responden yang mengenali Angkatan Tentera Malaysia mencakupi hampir keseluruhan iaitu 96%. Sementara jumlah yang mengetahui tentang Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara juga mencapai 96%.

Selain dari itu kajian menunjukkan kadar kepekaan masyarakat terhadap peranan dan fungsi ATM adalah tinggi di tahap 87.3%. kadar ini adalah lebih tinggi berbanding institusi di bawah ATM seperti Tentera darat Malaysia (86.7%), Tentera Laut Diraja Malaysia (86.9%), dan Tentera Udara Diraja Malaysia (85.9%). Kepekaan terhadap peranan dan fungsi ATM ini adalah lebih rendah berbanding institusi awam yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (95.6%) dan Jabatan Imigresen Malaysia (94.5%).

Kajian juga mendapat maklumat dari responden mengenai kekerapan mengikuti perkembangan berkenaan ATM. Jumlah yang tidak pernah mengikuti perkembangan ATM mencapai 22.7%. Dalam kalangan responden yang mengikuti perkembangan ATM tidak kerap ialah seramai 50.1%, agak kerap 19.4% dan hanya 5.7% secara kerap. Maklumat berkenaan ATM diterima masyarakat masih lagi melalui saluran utama media cetak dan televisyen.

4.2 Penilaian terhadap piagam Pelanggan serta Pencapaian objektif ATM

Sejajar dengan tahap puas hati yang tinggi, tahap keyakinan responden kepada ATM dalam menjayakan piagam pelanggannya amat tinggi. Tahap keyakinan terhadap lima perkara yang

termaktub dalam piagam pelanggan mempunyai keyakinan purata 70.5%. Tahap keyakinan keseluruhan Piagam Pelanggan ATM seperti di Jadual 3.

Jadual 2: Sumber dan capaian Maklumat

Sumber Maklumat	Jumlah %
Akhbar dan majalah	71.3
Televisyen	68.5
Kenalan	5.1
Radio	14.3
Program ATM	16.7
Lain-lain	2.6
Tidak Tahu	1.0
Tiada Respon	14.7

Jadual 3: Keyakinan Piagam Pelanggan

Perkara	Peratus
Melindungi kedaulatan negara	72.6
Melindungi kesejahteraan rakyat	74.3
Menjaga keamanan rantau	74.6
Menyumbang kepada pembangunan	63.2
Peranan dalam keamanan dunia	67.8

Selain dari itu rakyat menunjukkan keyakinan memuaskan terhadap kemampuan ATM dalam pencapaian objektif ATM, namun responden memahami batasan dari segi kelengkapan dan teknologi yang dimiliki oleh ARTM memandangkan Malaysia masih sebuah negara membangun dan ATM dalam proses pemodenan. Jadual 4 menunjukkan pandangan responden terhadap pencapaian objektif ATM

Jadual 4: Pandangan responden terhadap pencapaian objektif ATM

Perkara	Peratus
Mempunyai kelengkapan perang yang mencukupi	48
Mengguna pakai teknologi yang terkini	50.4
Mempunyai anggota yang terlatih dan bersedia	67.7
Rapat dan saling bekerjasama dengan masyarakat	61.3
Mampu memenuhi segala keperluan keselamatan negara	71.9
Berkhidmat pada tahap integriti yang tinggi	59.9
Bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain	68
Mengukuhkan kerjasama dengan negara serantau	73.7
Penyertaan misi PBB untuk keamanan dunia	77.1
Misi kemanusiaan antarabangsa (Aceh, Pakistan)	72.9

4.3 Ancaman terhadap keselamatan negara

Kajian mendapati masyarakat merasa lebih terancam terhadap masalah yang sedia wujud iaitu yang berkaitan dengan penyeludupan dadah dan juga pencerobohan pendatang asing. Ancaman intensiti redah dilihat lebih serius berbanding dengan ancaman serangan dari negara lain, namun agak ramai dalam kalangan responden yang berpendapat bahawa ancaman dari negara kuasa besar dan negara jiran tetap ada. Jadual berikut menjelaskan tentang pandangan responden terhadap ancaman terhadap keselamatan negara.

Jadual 5: Pandangan Responden Terhadap Ancaman Terhadap Keselamatan Negara

Ancaman	Peratus
Penyeludupan dadah	92.3
Pendatang asing/penceroboh	90.5
Keganasan/terrorism	84.9
Penyeludupan manusia	83.4
Lanun	77.2
Pencerobohan perairan oleh nelayan asing	72.8
Serangan dari negara kuasa besar	67.9
Serangan dari negara jiran	66.1
Perebutan sumber asli	64.3
Tuntutan bertindih kawasan/sempadan	61.9

5.0 PENEMUAN BARU DARI KAJIAN

Berdasarkan kajian yang telah dibuat terdapat beberapa perkara yang penting untuk diambil tindakan dalam usaha memperkasakan lagi ATM sekali gus memperbaiki lagi hubungan antara pihak Angkatan tentera Malaysia dan masyarakat awam. Antaranya:

- a. Menggalakkan perkembangan ilmiah melibatkan ATM melalui penyelidikan dan pembangunan (Research and Development) bukan sahaja kepada perkara ketenteraan tetapi juga aspek lain termasuk kajian sejarah, kemasyarakatan, kesenian dan sebagainya.
- b. Menganjurkan program ilmiah seperti pameran dan forum membincangkan perkara-perkara melibatkan ATM serta penemuan ketenteraan terbaru. Kemampuan ATM meningkatkan tahap perbincangan di ruang awam terhadap apa-apa isu melibatkan ATM merupakan perkembangan positif meningkatkan minat serta kesedaran awam terhadap ATM dan keselamatan negara. Program-program pertemuan antara masyarakat dengan pihak ATM secara tidak formal dari masa ke masa juga amat digalakkan untuk memastikan ATM peka kepada isu dan persepsi masyarakat.
- c. Satu elemen penting yang dapat dipertimbangkan ialah untuk menambah baik elemen pengetahuan umum terhadap mana-mana teknologi dan kepakaran yang boleh meningkatkan keyakinan masyarakat umum. Penglibatan institusi pengajian tinggi tau pusat-pusat penyelidikan serta industri bagi penghasilan teknologi atau alat yang bersesuaian untuk ATM. Sebagai contoh di Amerika Syarikat pihak Defence Advanced Research Project Agency di bawah Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat telah menganjurkan pertandingan penyelidikan dan kejuruteraan untuk menghasilkan teknologi baru untuk Angkatan Tentera Amerika Syarikat. Program ini diberi liputan media yang meluas dan telah menarik minat golongan muda dan golongan teknikal untuk sama menyertai program tersebut

6.0 KESIMPULAN

Adalah agak sukar bagi mengenal pasti peranan yang sesuai bagi organisasi tentera dalam konteks hubungan tentera-masyarakat ketika negara aman damai. Angkatan tentera yang ditubuhkan bagi dengan tujuan mempertahankan negara, mungkin akan digunakan bagi tujuan-tujuan lain dan mungkin juga disalahgunakan. Dengan tafsiran baru kepada ancaman dan keselamatan, telah menjadikan pasukan tentera seperti tidak diperlukan dan mungkin membebaskan. Semua perkembangan ini telah menyebabkan dimensi tradisional hubungan tentera-masyarakat telah berubah.

Maka itu, pasukan tentera pada hari ini terpaksa berusaha keras agar nilai dan keperluan mereka jelas kelihatan. Usaha-usaha ini mestilah di lihat oleh masyarakat atau sesuatu yang berkait dengan keperluan masyarakat ataupun menyelesaikan sesuatu yang dilihat tidak mampu diselesaikan oleh kerajaan. Maka itu, organisasi tentera akan menjadi relevan dan secara tidak langsung akan memurnikan hubungan tentera – masyarakat. Strategi Lautan Biru yang dijalankan oleh pasukan tentera telah membuka mata masyarakat akan kepentingan tentera kepada rakyat dan betapa bergunanya pasukan tentera sekiranya kerajaan memerintah bijak menggunakannya. Kesimpulannya hubungan tentera-masyarakat di Malaysia masih berada dalam ruang yang positif dan isu-isu yang diperdebatkan lebih kepada isu yang dimainkan oleh barat. Malaysia mungkin boleh meniru kaedah yang telah dilakukan oleh kerajaan Singapura iaitu memperkukuhkan rasa ‘kekitaan’ atau ‘tentera milik semua’ melalui cara yang efektif.

RUJUKAN

- [1] Raja Nazrin Shah. (2011). Titah DiRaja anjuran bersama MIDAS dan UPM: Hubungan tentera dengan awam. Di capai di [http:// www.isis.org.my/ attachments/ 942_Raja_Nazrin_Hubungan_Tentera_24Nov2011.pdf](http://www.isis.org.my/attachments/942_Raja_Nazrin_Hubungan_Tentera_24Nov2011.pdf) pada 6 Mac 2012.
- [2] Nordin Mohd Yusuf, Brig Jeneral. *The Malaysian armed forces honour & sacrifice*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia. 1994.
- [3] Laman web Kementerian Pertahanan Malaysia. ww.mod.gov.my di rujuk pada 8 Mac 2016.
- [4] *Majalah Visi*.2008. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Kuala Lumpur. Bil 8 (Ogos) 2008.
- [5] *Majalah Tempur* Bil 12 Januari 2009.
- [6] Kementerian Pertahanan Malaysia. *Laporan Tahunan 2010 Kementerian Pertahanan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia. 2011.
- [7] Huntington, Samuel P. *The soldier and the state: The theory and politics of civil-military relations*. London: Belknap Press. 1981.
- [8] Huntington, Samuel P. *The soldier and the state: The theory and politics of civil-military relations*. Harvard University Press, 1957.
- [9] Nielsen, Suzanne C. and Don M. Snider. *American Civil-Military Relations: The Soldier and the State in a New Era*. JHU Press, 2009.
- [10] Owens, Mackubin Thomas. *US civil-military relations after 9/11: renegotiating the civil-military bargain*. Bloomsbury Publishing USA, 2011.
- [11] Collins, J.J. *Fifty years of civil-military relations*. Alexandria: Baker Book Publisher. 2009.
- [12] Zakaria Hj Ahmad dan Harold, C. *Military – civilian relation in SEA*. New York: Oxford University Press. 1985.
- [13] Abdul Samad Idris. *50 tahun Askar Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publication. 1983.

- [14] Danopoulos, Constantine P. "From Balconies to Tanks: Post Junta Civil-Military Relations in Greece." *JPMS: Journal of Political and Military Sociology* 13, no. 1 (1985): 83.
- [15] Finer, Samuel Edward. *The man on horseback: The role of the military in politics*. Transaction Publishers, 2002.
- [16] The Qur'an, al-Baqarah (2:129) and al-Ahzab (33: 21). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 4, no. 1. (2016): 1-6.
- [17] Tzu, Sun. *The art of war*. Sheba Blake Publishing, 2015.